

AHMAD IBRAHIM DAN REFORMASI PENGAJIAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA

Mohd. Badrol Awang
badrolawang @unisza.edu.my

Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Abstrak

Kertas ini adalah suatu kajian analisis atas sumbangan pemikiran dan pelaksanaan yang telah dilakukan oleh Ahmad Ibrahim terhadap pengajian undang-undang Islam di Malaysia dengan tujuan untuk melihat kesan dan perubahan yang berlaku terhadap pengajian undang-undang Islam itu sendiri. Kajian mendapati, dengan berbekalkan pengetahuan dan pengalaman kerjaya perundangan yang luas dan pelbagai, Ahmad Ibrahim telah berjaya merencanakan suatu struktur pengajian undang-undang Islam secara bersepada dengan menggabungkan pengajian undang-undang civil dalam satu kuliah (fakulti) yang telah mengubah sistem pengajian undang-undang sebelumnya yang memisahkan antara pengajian undang-undang Islam dengan undang-undang civil. Kesannya, pengajian undang-undang Islam telah memasuki arus perdana pengajian undang-undang dan penekanan kepada undang-undang Islam telah mula diberikan. Reformasi pengajian undang-undang yang dilakukan oleh Ahmad Ibrahim itu kemudiannya telah mempengaruhi pelaksanaan pengajian undang-undang Islam mahupun undang-undang civil di universiti-universiti tempatan yang lain.

Kata Kunci: Ahmad Ibrahim, reformasi, pengajian, undang-undang.

Abstract

This is a critical analysis of the ideas, thought and contributions of Ahmad Ibrahim, the pioneer Islamic legal jurist in Malaysia. This study reveals that Ahmad Ibrahim, by his vast legal knowledge and experience, both as an academic as well as a practitioner, had manage to structure an integrated study of law, whereby the study of Islamic law and civil law were combined and taught in one faculty. This landmark reform was a departure from the then practice that demarcated the study of Islamic law from that of civil law. This reform also mark the assimilation of the study of Islamic law into mainstream legal education in Malaysia, and inadvertently create an awareness for its importance. Ahmad Ibrahim's legacy lives on today as our local universities have adopted his reformation of legal education.

Keywords: Ahmad Ibrahim, reform, study, law.



PENDAHULUAN

Ahmad bin Mohamed Ibrahim atau lebih dikenali dengan panggilan Ahmad Ibrahim dalam kalangan ahli akademik dan pengamal undang-undang lahir di Singapura pada 15 Mei 1916 dan meninggal dunia pada 17 April 1999, bersamaan dengan 1 Muharram 1420H¹. Namun nama beliau masih segar dalam ingatan semua orang yang terlibat dalam hal-ehwal perundangan Malaysia mahupun Singapura. Sebagai buktinya, selepas kematian beliau, usaha-usaha menghargai sumbangan Ahmad Ibrahim telah diteruskan dengan penulisan-penulisan berbentuk bibliografi dan memorial, di samping pelancaran acara berbentuk tahunan serta projek mega yang antara lainnya bertujuan untuk memperingati dan menghargai pemikiran dan sumbangan beliau dalam dunia perundangan negara.²

Penghargaan yang diberikan kepada Ahmad Ibrahim mengambarkan betapa istimewanya Ahmad Ibrahim dan betapa besarnya sumbangan beliau kepada dunia akademik secara amnya dan kepada dunia perundangan secara khususnya. Nescaya amat sukar untuk mencari pengganti bagi seseorang yang begitu berjasa seperti Ahmad Ibrahim dewasa ini.

Penulisan ini boleh dianggap sebagai salah satu penghargaan kepada Ahmad Ibrahim dengan melihat reformasi pengajian undang-undang yang telah dilaksanakan oleh Ahmad Ibrahim dan impak yang berlaku ke atas pengajian undang-undang Islam di beberapa institusi pengajian tinggi yang telah sedia wujud di Malaysia sebelum pelaksanaan reformasi beliau.

AHMAD IBRAHIM DAN UNDANG-UNDANG ISLAM

Realitinya Ahmad Ibrahim adalah seorang yang amat berjasa dalam memartabatkan pengajian dan pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Beliau memahami kaitan pengajian dengan pelaksanaan undang-undang. Dari sudut pelaksanaan undang-undang Islam, Ahmad Ibrahim telah menggariskan pelan tindakan yang difikirkannya mampu merealisasikan pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Beliau berpendapat sekurang-kurangnya ada tiga tugas utama yang harus dijalankan, iaitu:³

1. Memperbaik dan meninggikan pentadbiran undang-undang Islam di Mahkamah Syariah.

¹ Abdul Basir Mohamad (Dr.), 1999. "Biodata Profesor Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim" dlm. Abdul Basir Mohamad (Dr.) et al. (ed.), *Isu Syariah dan Undang-undang*, Siri 7 (keluaran Khas memperingati Profesor Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim). Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, hlm. 1.

² Sila lihat Mohd. Badrol Awang (2008), "Impak Ahmad Ibrahim Terhadap Pengajian Undang-undang Islam di Malaysia", (Disertasi Sarjana Syariah, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, UM), hlm. 46-47.

³ Ahmad Ibrahim, 1997. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hlm. 42-43.

2. Menyelidik peruntukan undang-undang bertulis di peringkat persekutuan dan negeri, dan mengubah mana-mana peruntukan yang bertentangan dengan undang-undang Islam.
3. Menggubal tatacara dan undang-undang Islam secara menyeluruh.

Dalam menjalankan tugas yang dinyatakan, Ahmad Ibrahim sendiri telah memulakannya. Beliau adalah orang yang bertanggungjawab berusaha bagi memastikan bidang kuasa Mahkamah Syariah tidak boleh diganggu-gugat dan diceroboh dengan terpindanya Perkara 121 Perlembagaan Malaysia pada tahun 1988, dengan memasukkan Perkara 121 (1A).⁴ Sebagai langkah untuk memperbaik pentadbiran undang-undang Islam di Mahkamah Syariah, beliau juga mencadangkan agar pentadbiran Mahkamah Syariah diasingkan daripada Majlis-majlis Agama Negeri dan Mahkamah Syariah pula disusun semula dengan mengadakan tiga peringkat mahkamah iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, dan Mahkamah Rayuan Syariah yang telah pun dilaksanakan.⁵

Selain itu, beliau juga telah mengetuai Jawatankuasa Teknikal Undang-undang syarak dan sivil yang tugas utamanya adalah untuk mengkaji undang-undang yang sedang berkuat kuasa dan menyesuaikannya dengan undang-undang syarak. Dalam menyempurnakan tugas ini, Ahmad Ibrahim telah menjadi penggerak utama penyemakan dan penggubalan undang-undang iaitu beberapa draf undang-undang mal dan jenayah berserta undang-undang keterangan dan acara telah dikemukakan.⁶

Namun begitu, Ahmad Ibrahim mengerti bahawa untuk merealisasikan tugas yang disenaraikan oleh beliau dan untuk memastikan kesinambungan, memerlukan tenaga pendukung yang banyak, yang faham dan sanggup melaksanakannya. Beliau juga mengerti bahawa untuk melahirkan pendukung yang sedemikian, pengajian dan pendidikan adalah jalannya. Sehubungan itu, pengajian undang-undang Islam mesti disesuaikan selaras dengan matlamat dan tugas yang digariskan.

PEMIKIRAN REFORMATIF AHMAD IBRAHIM

Penglibatan Ahmad Ibrahim dalam pengajian undang-undang Islam telah pun bermula sejak penubuhan institusi pengajian tinggi Islam yang pertama di Malaysia iaitu Kolej Islam Malaya. Semasa perbincangan untuk menubuhkan

4 Akta Perlembagaan (pindaan) 1988 (Akta A704). Menurut Dr. Wan Azhar Wan Ahmad ketika ditemu bual oleh TV3 pada 22 Januari 2007, beliau mengatakan pindaan ini telah diusahakan oleh Ahmad Ibrahim selama 30 tahun sebelum terlaksana.

5 Ahmad Ibrahim, 1997. *op. cit*, hlm. 44.

6 Abdul Monir Yaacob, 1998. *Sejarah Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 67–75.



Kolej Islam Malaya yang diadakan secara rasmi pada tahun 1949, Ahmad Ibrahim turut menghadiri perbincangan tersebut atas kedudukannya sebagai Yang Dipertua Pemuda Islam Singapura.⁷ Kehadiran Ahmad Ibrahim dalam perbincangan ini menunjukkan bahawa beliau diiktiraf sebagai seorang yang diperlukan untuk membantu menstrukturkan pengajian perundangan Islam pada waktu itu.

Namun begitu, pemikiran reformasi Ahmad Ibrahim mula jelas kelihatan setelah idea dan usahanya untuk mewujudkan sebuah Fakulti Undang-undang tersendiri di Malaysia berjaya dengan tertubuhnya Fakulti Undang-undang di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, pada 21 April 1972.⁸ Yang menariknya, beliau tidak mengambil secara bulat-bulat segala kurikulum yang dilaksanakan di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, Singapura pada masa itu. Sebaliknya beliau telah berusaha untuk memasukkan subjek undang-undang Islam sebagai sebahagian kurikulum di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, sama ada pada peringkat ijazah mahupun lepasan ijazah.⁹

Pada peringkat pengajian Ijazah Undang-undang, Ahmad Ibrahim telah memperkenalkan dua subjek undang-undang Islam, iaitu Undang-undang Islam I dan juga Undang-undang Islam II, manakala pada peringkat pengajian lepasan ijazah, program pengajian secara perbandingan antara undang-undang sivil dengan undang-undang Islam telah diasaskan, iaitu tesis yang dikemukakan dan kursus yang diwajibkan adalah dalam bentuk kajian perbandingan.¹⁰

Pendekatan yang diambil oleh Ahmad Ibrahim menunjukkan usaha beliau untuk memperkenalkan dan memperluaskan pengajian undang-undang Islam di Malaysia, iaitu dengan cara memasukkan subjek undang-undang Islam sebagai sebahagian kurikulum pengajian di Fakulti Undang-undang. Usaha ini memperkenalkan pelajar jurusan undang-undang sivil dengan pengetahuan undang-undang Islam. Menerusi pendekatan ini juga, maka dengan secara rasminya mewujudkan pengajian undang-undang Islam di Fakulti Undang-undang di Malaysia.

Pemikiran reformasi Ahmad Ibrahim dalam pengajian undang-undang Islam di Malaysia dilihat lebih jelas dan ketara sepanjang beliau berkhidmat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Sebagai salah seorang penggerak utama selaku Syeikh al-Kuliyah atau Dekan Pertama Kuliyah Undang-undang UIAM, sejak awal lagi beliau telah menetapkan dua matlamat utama penubuhan fakulti ini bagi menunjukkan visi beliau dalam merencanakan

7 Abdullah Muhammad Zin *et al.*, 2005. *Pendidikan Islam di Malaysia – Dari Pondok ke Universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 78.

8 Dr. Abdul Basir bin Mohamad, 1999. *op. cit*, hlm. iii.

9 Ahmad Ibrahim, "The Law Teacher in Malaysia" dlm. *JMCL* 5:3, hlm. 255–257, 1976.

10 Sila lihat Kalender Universiti Malaya (UM), Tahun Akademik 1988/89, hlm. 493–511.

hala tuju pengajian undang-undang Islam di Malaysia. Matlamat penubuhan yang ditetapkan oleh beliau adalah seperti yang berikut:¹¹

1. Objektif masa singkat – untuk mendidik ahli profesion undang-undang yang berkelayakan dalam undang-undang sivil dan undang-undang Islam (di samping mempunyai iman dan kepercayaan nilai yang kuat) supaya mengamalkan dan menggunakan ajaran Islam dalam kehidupan dan profesion mereka.
2. Objektif masa hadapan – berusaha supaya undang-undang Islam diterima dan digunakan sebagai undang-undang asas bagi orang Islam.

Untuk mencapai matlamat yang ditetapkan, Ahmad Ibrahim telah merencanakan skim pengajian bersepada yang menggabungkan pengajian undang-undang Islam dan undang-undang sivil secara seimbang di dalam satu kuliah (fakulti).¹² Melalui sistem pengajian yang sedemikian, beliau berharap pelajar akan dapat memahami prinsip asas dalam undang-undang Islam, undang-undang lazim Inggeris dan undang-undang sivil Eropah dan seterusnya berupaya membuat perbandingan antara undang-undang tersebut yang akhirnya akan melahirkan kesedaran tentang kelebihan dan kesesuaian undang-undang Islam.¹³

REFORMASI PENGAJIAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA

Bagi melaksanakan pengintegrasian pengajian undang-undang yang dapat memenuhi matlamat penubuhan Kuliyah Undang-undang UIAM, Ahmad Ibrahim merangka beberapa program pengajian yang dibahagikan kepada Program Pengajian Ijazah Dasar (*Undergraduate Programmes*) dan program Pengajian Lepasan Ijazah (*Postgraduate Programmes*).¹⁴

Bagi pengajian Ijazah Dasar, program yang ditawarkan ialah:

1. Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LL.B).
2. Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Syariah [LL.B(S)].

Bagi pengajian Lepasan Ijazah, program yang berikut telah ditawarkan:

1. Doktor Falsafah Undang-undang. (PhD).
2. Ijazah Sarjana Undang-undang Perbandingan (MCL).

¹¹ Ahmad Ibrahim, 1997. *op. cit.*, hlm. 139.

¹² Baharudeen bin Abu Bakar *et al.*, “Al-Marhum Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim: A Model of Legal Excellence and Islamic Virtue” dlm. *IIUM Law Journal* 8:1, hlm. 6, 2000.

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 98/99, hlm. 156.

3. Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam (DAIJ).
4. Diploma Undang-undang Syariah dan Amalan Guaman (DSLP).

PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH DASAR

Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LL.B)

Program pengajian ini dijalankan dalam tempoh empat tahun dan dibahagikan kepada lapan semester. Kursus yang ditawarkan adalah merupakan gabungan sukanan pelajaran undang-undang sivil dan undang-undang Islam, iaitu semua subjek atau mata pelajaran yang perlu bagi mendapatkan Ijazah Undang-undang (LL.B) dan yang dipandang penting bagi memahami undang-undang Islam telah dijadikan subjek wajib untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LL.B).¹⁵

Bagi pelajar yang berhasrat untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Undang-undang Syariah, mereka disyaratkan mengambil kursus *Quranic Ayat and Hadis on Law I, II, III dan IV* dan juga *Usul Al-Fiqh I, II, III dan IV* sebagai kursus teras tambahan yang dijalankan dalam bahasa Arab sepenuhnya.¹⁶

Pelajar juga diwajibkan sekurang-kurangnya mengambil empat kursus pilihan yang mula ditawarkan kepada pelajar pada tahun kedua pengajian mereka. Kursus pilihan yang ditawarkan adalah terdiri daripada kursus undang-undang sivil dan juga syariah.¹⁷

Kursus pilihan yang ditawarkan juga telah mengalami beberapa perubahan dengan pengenalan kursus baharu yang bertujuan untuk disesuaikan dengan kehendak dan kepentingan semasa sama ada dari segi pengetahuan mahupun pasaran. Antara kursus baharu yang telah diperkenalkan ialah *Alternative Dispute Resolution, Corporate Finance Law, Industrial Relation Law, Introduction to Copyright & Design Right, Introduction to Industrial Property Law, Mooting* dan juga *Planning Law*.¹⁸

¹⁵ Ahmad Ibrahim, 1997. *op. cit*, hlm. 139. Sila lihat kursus yang diwajibkan dalam Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 91/92, hlm. 98–107, Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 94/95, hlm. 128–138, Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1998/99, hlm. 156–163, Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 2004, hlm. 73–76 dan Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 2007/2008, hlm. 60.

¹⁶ Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1994/95, hlm. 131, Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1998/99, hlm. 163–166 dan Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 2004, hlm. 74–76.

¹⁷ Sila lihat kursus-kursus pilihan yang ditawarkan dalam Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1994/95, hlm. 129–130, Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1998/99, hlm. 157.

¹⁸ Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 2004, hlm. 75.

Selain itu, pelajar juga diwajibkan mengambil empat kursus dari Jabatan Ilmu Wahyu dan Warisan yang bertujuan untuk memperluas kefahaman pelajar tentang pengajian Islam, di samping kursus Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.¹⁹ Namun begitu, pengambilan kursus dari Jabatan Ilmu Wahyu dan Warisan ini telah dimansuhkan apabila universiti memperkenalkan Kursus Asas Universiti yang terdiri daripada kursus Tasawwur Islam, Fiqh Da`wah, Fiqh Harian dan Etika Islam.²⁰

Program pengajian ini dijalankan sepenuhnya dalam bahasa Inggeris. Namun begitu, bagi kursus syariah sama ada teras atau pilihan, pelajar diberi pilihan sama ada ingin mengikuti kursus itu dalam bahasa Inggeris atau dalam bahasa Arab. Walau bagaimanapun, untuk melayakkan lulusan LL.B ini mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Syariah [LL.B(S)], mereka mesti mengambil kursus teras dan pilihan syariah dan juga kursus asas universiti dalam bahasa Arab.²¹

Melihat keseluruhan kurikulum pengajian, didapati penekanan telah diberikan terhadap kursus undang-undang sivil dan hal ini perlu untuk membolehkan program ijazah ini diiktiraf sebagai kelayakan profesional yang membenarkan lulusan menjadi “orang yang berkelayakan” di bawah Akta Profesional Guaman 1963.²²

Program pengajian ini adalah suatu usaha yang dilakukan oleh Ahmad Ibrahim untuk mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh program pengajian undang-undang di institusi pengajian tinggi lain di Malaysia yang memberi penumpuan sepenuhnya kepada pengajian undang-undang sivil, dengan hanya menjadikan satu atau dua subjek undang-undang Islam sebagai kursus pilihan.

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Ahmad Ibrahim,²³ melalui program pengajian yang diperkenalkan, diharapkan lulusan Kuliyah Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa, akan menjadi seorang pengamal undang-undang sivil yang berdisiplin dengan disiplin Islam dan mempunyai jiwa perundangan Islam. Dengan pengetahuan dan pendedahan prinsip perundangan Islam, mereka akan mencuba untuk menggunakan prinsip itu dan mempromosikan undang-undang Islam sebagai undang-undang pilihan yang patut diberi peluang untuk dikuatkuasakan sebagai undang-undang awam.

¹⁹ Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 94/95, hlm. 127 dan Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 2004, hlm. 76.

²⁰ *Ibid.*

²¹ Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 98/99, hlm. 157 dan Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 2004, hlm. 73.

²² Ahmad Ibrahim, 1997. *op. cit.*, hlm. 140.

²³ *Ibid.*



Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Syariah [LL.B(S)]

Pelajar yang telah lulus untuk dianugerahi dengan Sarjana Muda Undang-undang (LL.B) dan juga telah menyempurnakan kursus teras dan pilihan syariah dalam bahasa Arab berpeluang memindahkan jam kredit ijazah pertama tersebut dan melanjutkan satu tahun pengajian lagi untuk membolehkan mereka dianugerahi dengan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Syariah [LL.B (S)].²⁴ Dalam tempoh lanjutan setahun itu, pelajar akan mengambil kursus syariah sahaja yang dikendalikan sepenuhnya dalam bahasa Arab.²⁵

Dengan program pengajian yang direncanakan sebegini, seseorang yang lulus mendapat LL.B dan kemudiannya meneruskan pengajian akan berjaya mendapatkan LL.B(S). Di samping itu, mereka merupakan orang yang berkelayakan di bawah Akta Profesional Guaman 1963 yang layak untuk menjadi pengamal undang-undang Islam di Mahkamah Syariah di negeri-negeri di Malaysia.²⁶

Seterusnya, dengan berbekalkan pengetahuan dalam undang-undang sivil dan undang-undang Islam, termasuk juga undang-undang acara dan keterangan yang terpakai ke atas kedua-dua sistem perundangan ini, maka hal ini akan membawa kepada faedah dan kebaikan yang besar bagi kedua-dua sistem perundangan tersebut. Ahmad Ibrahim dalam memperincikan perkara ini telah menyatakan sebagaimana yang berikut:²⁷

Jika lulusan siswazah bertugas di Mahkamah Syariah, dia dapat membawa status “orang yang berkelayakan” dan dengan itu meninggikan status, taraf, dan nama baik Mahkamah Syariah. Jika dibandingkan dengan pelajar yang lulus dari universiti di Mesir atau Arab Saudi atau dari fakulti atau Jabatan Syariah, dia akan mempunyai pengetahuan yang lebih luas mengenai perjalanan dan pelaksanaan undang-undang di Malaysia, khususnya mengenai undang-undang keterangan dan acara yang dipakai di mahkamah. Dia juga boleh bertemu dan bercampur dengan pegawai di Mahkamah Sivil yang setaraf dengannya dan dia boleh memimpin dan mengawal peguam syarii yang hadir di hadapannya. Sebaliknya jika lulusan siswazah bertugas di Mahkamah Sivil, oleh sebab pengetahuannya mengenai undang-undang Islam dan penghargaan yang diberi kepadanya tentang undang-undang

²⁴ Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1994/95, hlm. 131 dan Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 2004, hlm. 73.

²⁵ *Ibid*, hlm. 76. Untuk melihat kursus-kursus yang ditawarkan dan kandungannya, sila lihat Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1994/95, hlm. 139–142, 1998/99, hlm. 163–167.

²⁶ Penerimaan mereka sebagai peguam syarii walau bagaimanapun adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan prosedur yang ditetapkan oleh Enakmen Pentadbiran Negeri masing-masing, sebagai contohnya sila lihat Seksyen 57, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 2001.

²⁷ Ahmad Ibrahim, 1997. *op. cit*, hlm. 140.

Islam, dia adalah lebih minat dan mampu berusaha supaya undang-undang Islam itu diterima dan dipakai. Dia juga lebih mudah faham dan mengerti perjalanan dan pentadbiran undang-undang Islam di Mahkamah Syariah.

PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN IJAZAH

Ijazah Doktor Falsafah Undang-undang (PhD)

Pada peringkat awal pengenalananya, program pengajian ini dijalankan secara kursus dan tesis, iaitu pada peringkat pertama calon dikehendaki mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Falsafah (*Master of Philosophy*) yang memakan masa selama setahun. Dalam tempoh ini, calon dikehendaki mengikuti kursus tertentu yang ditetapkan oleh kuliah (fakulti). Hanya calon yang telah menyempurnakan kursus ini dan telah menyiapkan satu kertas kerja tesis yang membentuk asas tesis yang akan dikemukakan, dibenarkan meneruskan pengajian dan menyiapkan tesis Ijazah Doktor Falsafah (PhD) mereka.²⁸ Namun begitu sejak sesi pengajian tahun 1999/2000, program pengajian ini telah dijalankan secara tesis sepenuhnya.²⁹

Calon yang memohon untuk mengikuti pengajian pada peringkat ini mesti memiliki ijazah sarjana yang cemerlang sama ada dalam pengajian undang-undang ataupun dalam pengajian syariah dengan syarat ijazah syariah itu mengandungi kursus undang-undang sivil yang mencukupi. Di samping itu, bagi memastikan calon mempunyai kelayakan dan kesesuaian yang sepatutnya, kuliah boleh mengadakan ujian atau peperiksaan tertentu sama ada secara lisan atau bertulis.³⁰

Tesis yang dikemukakan mesti ditulis dalam bahasa Inggeris,³¹ namun begitu calon boleh memohon kebenaran untuk menulis tesis dalam bahasa Arab³² dan tesis tersebut mesti menunjukkan satu hasil kajian tersendiri dan asli yang dapat memberi sumbangan kepada subjek kajian sama ada dari segi penemuan fakta baharu ataupun kesimpulan baharu hasil daripada pemikiran dan kajian kritis yang bebas.³³

Sebagai kesinambungan pengajian pada peringkat Ijazah Dasar yang mengutamakan pengajian undang-undang secara bersepada antara pengajian sivil dengan syariah, maka tesis yang ditulis juga digalakkan dalam bentuk kajian perbandingan antara undang-undang sivil dengan syariah. Tesis yang

28 Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1997/98, hlm. 133–134.

29 Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1999/2000, hlm. 71.

30 *Ibid.*

31 Sebelum sesi pengajian 1999/2000, penulisan tesis dibenarkan sama ada dalam bahasa Inggeris ataupun bahasa Arab, sila lihat Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1997/98, hlm. 134.

32 Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 2006/2007, hlm. 47.

33 *Ibid.*



telah disiapkan akan dinilai oleh pemeriksa luar, dan calon dikehendaki menghadiri pemeriksaan lisan iaitu beliau dikehendaki menjelaskan dan mempertahankan hasil kajiannya.³⁴

Ijazah Sarjana Undang-undang Perbandingan (MCL)

Program pengajian ini distrukturkan untuk pelajar memahami dan menguasai undang-undang sivil dan syariah secara bersama dan bergandingan. Sebagaimana nama program, pendekatan pengajian adalah secara perbandingan undang-undang.

Calon yang ingin mengikuti program ini disyaratkan mempunyai ijazah dalam undang-undang sivil atau syariah dengan sekurang-kurangnya purata nilai gred kumulatif (CGPA) kelas kedua atas atau kelayakan setaraf dengannya.³⁵

Program pengajian ini dikendalikan secara kursus dan disertasi. Pembelajaran kursus dijalankan dalam bentuk syarahan dan juga seminar, iaitu calon akan dinilai melalui penilaian berterusan dan juga peperiksaan akhir semester. Bagi setiap kursus yang diambil calon dikehendaki menulis dua kertas kerja yang akan membentuk sebahagian daripada markah bagi penilaian berterusan.³⁶

Jangka masa pengajian adalah bergantung pada status calon yang mengikutinya. Bagi calon sepenuh masa, tempoh pengajian adalah selama setahun sesi pengajian dan boleh dilanjutkan selama setahun lagi, manakala bagi calon separuh masa, tempoh pengajian adalah selama dua tahun sesi pengajian dengan tempoh lanjutan maksimum dua tahun.³⁷ Pada peringkat pengajian ini, kursus yang ditawarkan dibahagikan kepada kursus wajib, kursus undang-undang perbandingan dan kursus undang-undang syariah.³⁸

Berdasarkan pendekatan pengajian dan juga senarai kursus yang ditawarkan, dilihat bahawa program pengajian ini memberi penekanan yang seimbang antara pengajian undang-undang sivil dengan pengajian undang-undang syariah. Namun begitu, sekiranya diperhalusi, terutamanya dalam kursus yang disenaraikan di atas, didapati program ini telah memberi penekanan yang lebih sedikit terhadap undang-undang syariah. Hal ini dikatakan demikian kerana kursus yang ditawarkan adalah sama ada dalam bentuk perbandingan antara undang-undang sivil dengan undang-undang syariah ataupun kursus undang-undang syariah sahaja.

34 Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1999/2000, hlm. 71.

35 Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1997/1998, hlm.134.

36 Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1999/2000, hlm. 71.

37 *Ibid.*

38 Sila lihat *Ibid.*, hlm. 72–73 dan juga Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1997/1998, hlm. 135, dan untuk lihat skop dan kandungan kursus sila lihat Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1999/2000, hlm. 73–77. Sila lihat juga Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 2006/2007 untuk perbandingan.



Diploma Undang-undang Syariah dan Amalan Guaman (DSLP)

Program pengajian ini terbuka kepada calon yang memiliki ijazah dalam bidang undang-undang atau syariah, dan juga kepada peguam bela dan peguam cara yang menjalankan amalannya di Malaysia, Singapura mahupun Brunei yang berhasrat untuk beramal sebagai peguam syar'i. Program pengajian ini dijalankan secara separuh masa sahaja dengan tempoh pengajian selama setahun kalender akademik. Bahasa yang digunakan adalah bahasa Melayu. Program ini dijalankan secara kursus sahaja.³⁹

Dari segi matlamatnya, program pengajian DSLP bertujuan untuk mendedahkan pelajar dengan undang-undang Islam dan juga prosedur undang-undang Islam supaya dapat melahirkan pengamal undang-undang Islam yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang jelas tentang undang-undang Islam. Di samping itu, prosedur undang-undang ini dapat membantu melicinkan perjalanan pentadbiran undang-undang Islam di Mahkamah Syariah.⁴⁰

Sebagai suatu program pengajian yang berteraskan pengajian syariah dan bermatlamatkan memperluaskan kefahaman golongan sasaran dengan undang-undang dan prosedur syariah, maka kursus yang ditawarkan adalah distrukturkan khusus untuk mencapai matlamat itu.⁴¹

Kursus yang ditawarkan adalah semasa dan praktikal selaras dengan amalan, pelaksanaan undang-undang, dan prosedur di Mahkamah Syariah Malaysia pada ketika ini. Dengan itu, pelaksanaan program ini akan mampu melahirkan lebih ramai pengamal undang-undang syariah yang cekap dan mahir dalam undang-undang sivil dan syariah, sekali gus akan dapat memperkemas perjalanan pentadbiran kes di Mahkamah Syariah.

Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam (DAIJ)

Program pengajian ini pada asasnya adalah bertujuan untuk memahamkan pelajar berkaitan dengan sistem perundangan di Malaysia, terutamanya mengenai perjalanan pentadbiran dan pemakaian undang-undang syariah di Malaysia. Program ini juga merupakan salah satu keperluan bagi sesiapa yang berminat untuk berkhidmat dalam perkhidmatan perundangan dan kehakiman Islam atau sebagai pegawai di Mahkamah Syariah.⁴²

Untuk mengikuti program pengajian ini, calon mesti mempunyai Ijazah

39 Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1999/2000, hlm. 77.

40 Ahmad Ibrahim, 1997. *op. cit.*, hlm. 45–46.

41 Kursus-kursus yang ditawarkan boleh dilihat dalam Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1997/1998, hlm. 139–140 dan Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1999/2000, hlm. 77–78 dan lihat juga Harun M. Hashim Law Centre (*t.th.*)— Program Akademik (Program Lepasan Ijazah).

42 Harun M. Hashim Law Centre, *t.th.* Program Akademik (Program Lepasan Ijazah).

Sarjana Muda Syariah dari universiti yang diiktiraf. Pada peringkat awal pengenalan, program ini dibahagikan kepada dua, iaitu untuk pegawai yang berkhidmat dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan syariah dari jabatan agama negeri (yang dinamakan sebagai *in-service student*) dan untuk pelajar baru (yang dikenali sebagai *pre-service student*). Tempoh pengajian adalah selama dua tahun, namun begitu bagi pelajar dalam perkhidmatan, tempoh pengajian mereka adalah selama setahun iaitu mereka akan terus dimasukkan ke dalam tahun dua. Bahasa yang digunakan ialah bahasa Arab bagi tahun pertama pengajian, manakala dalam tahun kedua pengajian, bahasa yang digunakan adalah bahasa Malaysia. Bagi melayakkkan pelajar dianugerahi diploma ini, mereka dikehendaki menyerahkan satu kertas projek dan lulus semua kursus yang ditawarkan.⁴³

Pada masa sekarang program pengajian ini telah mengalami perubahan yang ketara dari segi tempoh pengajian dan juga kursus yang ditawarkan. Pengasingan pelajar *in-service* dengan *pre-service* telah dihapuskan, sebaliknya pelajar telah dibahagikan sebagai pelajar sepenuh masa dan separuh masa iaitu tempoh pengajian bagi pelajar sepenuh masa ialah satu tahun dan satu tahun enam bulan bagi pelajar separuh masa. Selaras dengan pengurangan tempoh pengajian tersebut, kursus yang ditawarkan juga telah dikurangkan.⁴⁴

Program pengajian yang disasarkan kepada graduan dalam bidang syariah sama ada dari dalam atau luar negara ini adalah sangat relevan dengan keperluan semasa dan akan datang. Melalui program pengajian begini, pelajar yang telah tamat pengajian dalam bidang syariah dan memahami teori perundangan Islam serta hukum-hukumnya, akan didedahkan dengan perjalanan dan pelaksanaan undang-undang di Malaysia khususnya undang-undang keterangan dan acara yang dipakai di mahkamah, maka dengan itu mereka akan dilengkapi dengan teori dan amalan sebenar undang-undang Islam setakat yang dilaksanakan di Malaysia.

Analisis Reformasi Pengajian Undang-undang Islam

Pengajian undang-undang Islam di Malaysia dari segi sejarahnya adalah pengajian yang dijalankan secara terpisah dengan pengajian undang-undang sivil. Pengasingan pengajian ini sangat jelas dengan terbentuknya fakulti atau jabatan pengajian undang-undang dan fakulti atau jabatan pengajian Islam secara berasingan di pusat pengajian tinggi.⁴⁵

Dalam pengajian berasingan begini, fakulti atau jabatan undang-undang

43 Kursus-kursus dan kandungannya boleh didapati dalam Prospektus Lepasan Ijazah Universiti Islam Antarabangsa 1999/2000, hlm. 77–78.

44 Harun M. Hashim Law Centre, *t.th.* Program Akademik Lepasan Ijazah.

45 Mohd. Badrol Awang, 2008. *op. cit.*, hlm. 69–82.

menekankan pengajian undang-undang sivil dengan menawarkan kursus undang-undang sivil yang perlu untuk melayakkan seseorang pelajar itu mendapat Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LL.B), manakala beberapa kursus dalam undang-undang Islam dijadikan sebagai kursus pilihan sahaja. Secara kontranya, fakulti atau Jabatan Pengajian Islam pula melebihkan pengajian undang-undang Islam atau pengajian syariah iaitu kursus yang ditawarkan keseluruhannya adalah mengenai syariah dan undang-undang Islam.

Kehadiran Ahmad Ibrahim dengan idea pengajian undang-undang yang dilaksanakan terutamanya di Kuliyah Undang-undang, UIAM, telah memberi impak ke atas pengajian undang-undang yang terpisah ini. Beliau telah berjaya merangka dan menyusun pengajian undang-undang Islam yang dijalankan secara bersepada dengan undang-undang sivil dalam satu kuliah. Menerusi pengajian sebegini, seseorang lulusan itu akan mahir dan dapat menguasai dua sistem undang-undang dalam satu masa dan kuliah yang sama.

Sehubungan itu, pengenalan struktur pengajian sebegini berupaya melahirkan lulusan yang mahir dan cekap dalam kedua-dua sistem perundangan tersebut, serta mampu berkhidmat untuk kedua-duanya. Keadaan ini berbeza daripada pengajian undang-undang di institusi pengajian tinggi lain yang distrukturkan secara terpisah antara pengajian undang-undang Islam dengan pengajian undang-undang sivil. Sistem pengajian terpisah hanya melahirkan lulusan yang mampu menguasai salah satu sistem undang-undang tersebut, malah tanpa disedari telah melebarkan lagi jurang pemisahan pentadbiran undang-undang sivil dan syariah di Malaysia.

Penstrukturkan pengajian sebagaimana yang dinyatakan juga sebenarnya adalah hasil kesedaran beliau bahawa meneruskan pengasingan pengajian antara undang-undang sivil dengan undang-undang Islam hanya akan meneruskan pemisahan lulusan daripada dua pengajian yang terpisah tidak ubah seperti lulusan ijazah undang-undang dari negara Barat dan lulusan pengajian Islam dan syariah dari negara Arab. Pengasingan dan pemisahan sebegini juga akan terus memperkuuh pengasingan antara undang-undang sivil dengan undang-undang Islam, Mahkamah Sivil dengan Mahkamah Syariah dan peguam-peguamnya. Oleh sebab itu, pelaksanaan pengintegrasian pengajian undang-undang yang dipelopori Ahmad Ibrahim ini dapat mengurangkan jurang pemisahan tersebut dengan penglibatan lulusan yang boleh berkhidmat dan beramal untuk kedua-dua sistem perundangan.

Dalam merencanakan program pengajian undang-undang, Ahmad Ibrahim sentiasa mengambil kira keadaan dan realiti semasa. Beliau sedia maklum bahawa Mahkamah Sivil telah lama beroperasi dan telah ada pegawai, peguam, dan hakimnya. Begitu juga di Mahkamah Syariah, mereka semuanya terdidik melalui pengajian undang-undang yang berasingan.



Untuk menunggu lulusan Kuliyah Undang-undang, UIAM, menjawat jawatan tersebut, ianya memakan masa dan tertakluk kepada kekananan dalam jawatan. Sebagai langkah penyelesaiannya, Ahmad Ibrahim telah merencanakan program DAIJ dan DSLP untuk golongan ini.

Melalui DAIJ, Ahmad Ibrahim menumpukan perhatian kepada pegawai, hakim, dan orang yang terlibat secara langsung dengan pentadbiran undang-undang Islam. Mereka diberikan didikan dan latihan dengan sistem perundangan Malaysia, undang-undang perlombagaan, undang-undang keterangan dan prosedur, serta kemahiran profesional dalam pentadbiran undang-undang. Harapannya agar mereka akan faham dengan kedudukan undang-undang dan prosedur yang dapat membantu mereka mentadbir undang-undang Islam dengan lebih cekap.

Bagi pengamal undang-undang sivil, pegawai mahkamah dan juga lulusan pengajian undang-undang sivil yang berminat mempelajari dan mendalami undang-undang Islam, mereka boleh berbuat demikian dengan mengikuti program DSLP. Melalui program tersebut, mereka akan didedahkan dengan undang-undang Islam dan prosedur undang-undang Islam. Dengan itu, mereka akan lebih menghargai undang-undang Islam dan prinsip-prinsip perundangannya. Lebih daripada itu, mungkin mereka akan berhujah atau menggunakan pakai prinsip undang-undang Islam dalam penghujahan dan penghakiman mereka.

Program pengajian undang-undang lepasan ijazah yang distrukturkan secara perbandingan pula dilihat merupakan usaha Ahmad Ibrahim untuk melahirkan sarjana perundangan yang dapat membuktikan dan menonjolkan undang-undang Islam melalui kajian ilmiah mereka sebagai undang-undang yang lebih baik berbanding dengan undang-undang sivil dan seterusnya memperjuangkannya dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh. Dengan kelayakan akademik yang tinggi, diharapkan mereka akan menjadi golongan pelopor ke arah meyakinkan pemimpin dan rakyat tentang kebaikan dan kelebihan undang-undang Islam yang wajar direbut melalui pelaksanaan yang rapi dan terancang.

Selain itu, pengajian undang-undang secara bersepada ini adalah bersifat semasa dan berpijak pada realiti pentadbiran undang-undang di Malaysia yang mempunyai dua struktur pentadbiran undang-undang yang berasingan. Hal ini bererti lulusan daripada pengajian yang bersepada ini diyakini mampu dan layak berkhidmat untuk kedua-dua sistem undang-undang tersebut. Dalam keadaan demikian, apa-apa usaha ke arah mengharmonikan atau mendekatkan pentadbiran undang-undang yang terpisah itu dapat direalisasikan dengan lebih mudah berbekalkan dengan pengetahuan dan kemahiran dalam kedua-dua sistem perundangan Islam dan sivil.

Program pengajian bersepada sedemikian telah memberi impak yang besar terhadap pengajian undang-undang Islam yang dilaksanakan sebelumnya, iaitu selain melaksanakan struktur pengajian undang-undang



secara terpisah, program tersebut juga tidak mempunyai perancangan untuk melatih dan mendidik peguam sivil dan pegawai dalam perkhidmatan perundangan sivil mengenai undang-undang Islam. Begitu juga sebaliknya peguam dan pegawai dalam perkhidmatan perundangan syariah tidak dididik dan dilatih tentang sistem perundangan sivil.

Impak Reformasi Ahmad Ibrahim Terhadap Pengajian Undang-undang Islam

Realitinya, perencanaan Ahmad Ibrahim melalui penubuhan Kuliyah Undang-undang, UIAM, dengan keunikan program pengajian undang-undang yang ditawarkan telah membentuk suatu arus pengalihan aliran pengajian undang-undang dan pengajian syariah yang sedia ditawarkan di pusat pengajian tinggi lain di Malaysia.

Di Universiti Malaya (UM), Fakulti Syariah telah menuahkan Jabatan Syariah dan Undang-undang pada tahun 1996 iaitu beberapa kursus undang-undang sivil telah ditambah untuk ditawarkan kepada pelajar. Maka, wujud kursus seperti Pengantar Sistem Undang-undang di Malaysia, Undang-undang Perlembagaan dan Pentadbiran, Undang-undang Kontrak, Undang-undang Jenayah, Undang-undang Keterangan, Undang-undang Tort, Undang-undang Harta, dan Undang-undang Tanah.⁴⁶

Seterusnya bermula dari sesi pengajian 2008/2009, Akademi Pengajian Islam, UM, telah memperkenalkan Program Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang. Selaras dengan pengenalan program ini, Jabatan Syariah dan Undang-undang telah memperkemas kursus yang ditawarkan sama ada melalui pengenalan kursus baharu mahupun penjenamaan semula kursus sedia ada. Di bawah program Sarjana Muda Syariah dan undang-undang ini, banyak kursus undang-undang telah dijadikan Kursus Teras Wajib Jabatan dan juga Kursus Teras Bukan Wajib dengan Pilihan.⁴⁷ Manakala pada peringkat sarjana pula, kursus yang ditawarkan di Jabatan Syariah dan Undang-undang telah menumpukan kepada undang-undang perbandingan.⁴⁸

Perkembangan menarik juga telah berlaku di Fakulti Undang-undang, UM. Fakulti ini telah menjadikan dua kursus iaitu Kursus Undang-undang Islam dan Kursus Ekuiti dan Amanah yang mengandungi perbahasan

46 Sila lihat *Buku Panduan Ijazah Dasar*, Akademi Pengajian Islam, UM. Tahun Akademik 2005/2006, hlm. 41.

47 *Buku Panduan Ijazah Dasar*, Akademi Pengajian Islam, UM: Tahun Akademik 2008/2009, hlm. 335, dan kandungan kursus, hlm. 336–372.

48 *Buku Panduan Program Ijazah Tinggi*, Akademi Pengajian Islam, UM: Tahun Akademik 2005/2006, hlm. 57–59, dan sila lihat kandungan kursus yang ditawarkan di hlm. 74–84. Lihat juga *Buku Panduan Program Ijazah Tinggi*, Akademi Pengajian Islam, UM: Tahun Akademik 2008/2009, hlm. 69, dan kandungan kursus yang ditawarkan di hlm. 77–95.

mengenai pentadbiran harta pusaka orang Islam sebagai sebahagian daripada kursus wajib fakulti, manakala Kursus Undang-undang Jenayah Islam dan Undang-undang Keterangan Islam telah dijadikan sebagai kursus elektif.⁴⁹ Pada peringkat sarjana pula, beberapa kursus perbandingan undang-undang telah diluluskan oleh senat untuk ditawarkan kepada pelajar.⁵⁰

Dalam perkembangan terbaru, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menggubal dan mengemas kini kurikulum Jabatan Syariah dengan memperkenalkan modul pengajian yang baharu, iaitu:⁵¹

1. Modul Perundangan Islam.
2. Modul Muamalat dan Kewangan Islam.
3. Modul Undang-undang Perbandingan.

Melalui pengenalan modul baharu ini, didapati banyak kursus undang-undang ditawarkan dan penekanan terhadap perbandingan undang-undang juga dapat dilihat dengan jelas. Di bawah Modul Undang-undang Perbandingan, kursus Undang-undang Kontrak Perbandingan, Undang-undang Perlembagaan dan Pentadbiran Perbandingan, Undang-undang Keterangan Perbandingan, Undang-undang Acara Jenayah Perbandingan, dan Undang-undang Acara Sivil Perbandingan ditawarkan.⁵²

Pada peringkat pengajian sarjana pula, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, juga menawarkan kursus undang-undang sebagai sebahagian daripada kursus pilihan di jabatan itu. Namun begitu penekanan masih terarah kepada kursus syariah dan undang-undang Islam. Antara kursus undang-undang yang ditawarkan ialah Undang-undang Keluarga, Undang-undang Perlembagaan Islam, Undang-undang dan Masyarakat Islam, Sistem Kehakiman Islam, dan Polisi Perundangan Islam.⁵³

Sementara itu, perkembangan juga telah dilihat berlaku dari segi pengenalan dan penjenamaan semula beberapa kursus undang-undang Islam yang ditawarkan di Fakulti Undang-undang, UKM, umpamanya bagi sesi 2006/2007, kursus berkaitan dengan undang-undang Islam yang

49 *Buku Panduan Ijazah Dasar*, Fakulti Undang-undang, UM, Tahun Akademik 2008/2009, hlm. 27. Untuk kandungan kursus sila lihat hlm. 33–35.

50 *Handbook Postgraduate Studies*, Fakulti Undang-undang, UM, 2004/2005, hlm. 18–19. Untuk sesi pengajian 2008/2009 tiada satu pun kursus di atas ditawarkan, sila lihat Program Lepasan Ijazah 2008/2009, Fakulti Undang-undang, UM, hlm. 60–61, namun begitu, kandungan kursus *Advanced Banking Law* yang ditawarkan memuatkan perbahasan mengenai perbankan Islam.

51 Fakulti Pengajian Islam, UKM. Carian pada 25 Ogos 2008 daripada laman web di <http://pkukmweb.ukm.my/~fpi/MQA2008/js-bab2.htm>.

52 *Ibid.*

53 Laman web Fakulti Pengajian Islam, UKM. Carian pada 30 April 2007 daripada laman web <http://pkukmweb.ukm.my/~pps/prospectusFPI.pdf>.



ditawarkan mengikut tahun pengajian adalah seperti yang berikut:⁵⁴

1. Tahun Pertama – Pengantar kepada Perundangan Islam.
2. Tahun Kedua – Undang-undang Kekeluargaan Islam, Undang-undang Jenayah Islam dan Sistem Kehakiman Islam.
3. Tahun Ketiga – Undang-undang Muamalat dan Jurispruden.
4. Tahun Keempat – Undang-undang Keterangan & Acara Mahkamah Syariah I & II.

Pada peringkat pengajian sarjana pula, beberapa kursus undang-undang Islam dan perbandingan undang-undang telah ditawarkan kepada pelajar, antaranya adalah Undang-undang Buruh dan Perhubungan Industri Perbandingan, Jurispruden Perbandingan, Undang-undang Keluarga Perbandingan, Sistem Kewangan Islam, Undang-undang Islam Perbandingan, Undang-undang Jenayah Islam, Undang-undang Pentadbiran Perbandingan, dan Undang-undang Perlembagaan Perbandingan.⁵⁵

Di samping telah bertindak menambahkan beberapa kursus undang-undang Islam untuk ditawarkan kepada pelajar di Fakulti Undang-undang UKM sebagaimana yang dinyatakan,⁵⁶ UKM juga memperkenalkan program pengajian Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam sebagai sebahagian program pengajian lepasan ijazah.⁵⁷

Fakulti Undang-undang Universiti Teknologi Mara (UiTM) juga memperkenalkan program pengajian Diploma Undang-undang Syariah dan Amalan Guaman kepada lepasan ijazah mulai Jun 2004.⁵⁸

Sementara itu, Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang kini dikenali dengan nama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), yang ditubuhkan pada 13 Mac 1998,⁵⁹ juga dilihat telah mengambil aspirasi Ahmad Ibrahim dalam merencanakan program pengajian undang-undang. Di bawah Fakulti Syariah dan Undang-undang, program Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang yang ditawarkan menggabungkan kursus syariah dan undang-undang secara seimbang,⁶⁰ yang melayakkan lulusan Fakulti Syariah

54 Fakulti Undang-undang, UKM. Carian pada 20 Ogos 2008 daripada laman web <http://pkukmweb.ukm.my/%7Efuu/program%20akademik/pra-siswazah/programakademik>.

55 Fakulti Undang-undang, UKM. Carian pada 20 Ogos 2008 daripada laman web <http://pkukmweb.ukm.my/%7Efuu/program%20akademik/pasca-siswazah/programakademik>.

56 Sila lihat kursus yang ditawarkan kepada prasiswazah Fakulti Undang-undang, UKM, untuk sesi 2006/07 di laman web <http://pkukmweb.ukm.my/~fuu>.

57 Sila lihat laman web rasmi Fakulti Pengajian Islam, UKM. carian pada 29 April 2007 daripada laman web <http://pkukmweb.ukm.my/~fpi/>.

58 Carian pada 30 April 2007 daripada laman web [Http://www.law.uitm.edu.my/index.php?option=com_content&task=view&id=508&Itemid=39](http://www.law.uitm.edu.my/index.php?option=com_content&task=view&id=508&Itemid=39).



dan Undang-undang mendapat dua ijazah, LL.B dan LL.B.(S) sebagaimana yang dilaksanakan di UIAM. Selain itu, USIM juga menawarkan program Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarii, yang antara lainnya bertujuan untuk menyediakan kursus lanjutan profesional kepada calon berkelulusan syariah dari luar negara atau lulusan undang-undang yang tidak mempunyai pengetahuan amalan perundangan Islam di Malaysia dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi pengamal undang-undang Islam di Malaysia.⁶¹

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) [dahulunya dikenali sebagai Universiti Darul Iman Malaysia (UDM)]⁶² yang mula menawarkan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang pada Julai 2006, dilihat telah menawarkan beberapa kursus undang-undang Islam terutamanya dalam bidang muamalat dan undang-undang Keterangan dan Prosedur, di samping kursus Akidah, al-Quran, Akhlak, Ibadah, Tamadun Islam dan Bahasa Arab kepada pelajar undang-undang UniSZA.⁶³

Dalam perkembangan lain pula, Majlis Peguam Malaysia (MPM) telah mengadakan kerjasama dengan Pusat Undang-undang Harun Hashim, UIAM untuk menawarkan program Diploma Eksekutif Undang-undang Islam (DEUI) yang terbuka kepada orang awam tanpa mengira agama dan kepercayaan.⁶⁴

Program ini adalah suatu perkembangan yang amat menarik kerana pengajian undang-undang Islam hasil idea Ahmad Ibrahim telah berjaya menarik sebuah organisasi perundangan yang ahlinya terdiri daripada pelbagai penganut agama untuk bekerjasama menjayakan program pengajian undang-undang Islam. Program pengajian seumpama ini sedikit sebanyak akan dapat memperkenalkan undang-undang Islam kepada penganut agama bukan Islam.

Tidak keterlaluan untuk ditanggapi bahawa perubahan dan perkembangan yang berlaku sebagaimana yang dinyatakan adalah dipengaruhi oleh reformasi pengajian undang-undang bersepadan dan perbandingan yang dibuat oleh Ahmad Ibrahim. Hal yang demikian adalah kerana perubahan dan perkembangan tersebut berlaku setelah idea Ahmad Ibrahim tersebut

59 Buku Panduan Pengajian Ijazah Sarjana Muda, KUIM, sesi 2004/2005, hlm. 8.

60 Untuk maklumat tambahan mengenai kursus-kursus dan kandungannya, sila lihat *Buku Panduan Prasiswazah*, Fakulti Syariah dan Undang-undang, KUIM, sesi 2005/2006, hlm. 86–127.

61 Sila lihat *Buku Panduan Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarii* (2005), KUIM, hlm. 17–30.

62 UDM telah ditukar nama kepada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada 14 Mei 2010, sila lihat Pekeliling Pendaftar bil. 6/2010.

63 Sila lihat Panduan Prasiswazah, Sesi Akademik 2010/2011, Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa, UniSZA.

64 T.n., “UIAM dan MPM tawar Diploma Undang-undang Islam” dlm. *Utusan Malaysia*, Februari 27, 2008.

terlaksana.

PENUTUP

Berdasarkan daripada fakta yang dibincangkan, kemunculan Ahmad Ibrahim dengan idea pengajian undang-undang secara bersepadan, jelas menunjukkan yang beliau adalah seorang tokoh pembaharuan dalam pengajian undang-undang Islam, yang telah berjaya mengubah aliran pengajian undang-undang sedia ada di beberapa pusat pengajian tinggi di Malaysia. Usaha Ahmad Ibrahim itu, dalam konteks pengajian hukum, adalah merupakan suatu ijтиhad yang telah mengambil kira keadaan dan realiti semasa.

Perencanaan program pengajian sebegini juga sebenarnya telah memberikan nafas baharu kepada perkembangan pemikiran dan pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Hal ini demikian kerana pengajian undang-undang Islam sebelum ini dilihat tidak berupaya melonjakkan pengajian dan pelaksanaan undang-undang Islam. Pengajian yang dijalankan secara terpisah tidak memungkinkan pendukung undang-undang Islam untuk beraksi dan berjuang melalui mekanisme perundangan negara semasa disebabkan kejahanan dalam perundangan awam.

Kehadiran Ahmad Ibrahim telah merubah keadaan tersebut, maka lahirlah pengamal dan sarjana undang-undang yang menguasai dan berkecimpung dalam dua sistem perundangan dan undang-undang sekali gus. Namun begitu, diharapkan objektif awal yang digariskan oleh Ahmad Ibrahim semasa penubuhan Kuliyyah Undang-undang, UIAM, dapat diteruskan dan didukung oleh sarjana semasa. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak yang mengatakan bahawa usaha Ahmad Ibrahim untuk melaksanakan objektif dalam Kuliyyah Undang-undang tersebut telah terhenti setelah pemergian beliau ke rahmatullah.

Semoga usaha dan sumbangan Ahmad Ibrahim ini akan terus dihayati dan didukung oleh sarjana perundangan Islam semasa dan dihargai pemerintah. Hal ini adalah kerana sesuatu yang jelas daripada pengajian undang-undang yang dibentuk oleh Ahmad Ibrahim adalah beliau mahu melihat undang-undang Islam ditadbir dan dilaksanakan secara menyeluruh menggantikan undang-undang tinggalan penjajahtan.

RUJUKAN

- Ab. Halim El-Muhammady, 1988. "Peranan Pusat Pengajian Tinggi ke Arah Pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia" dlm. Mahmood Zuhdi Ab. Majid (ed.) 1988. *Ke Arah Merealisasikan Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Thinker's Library.
- Abdul Basir Mohamad (Dr.) et al. (ed.), 1999. *Isu Syariah dan Undang-undang*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Abdul Monir Yaakob, 1998. *Sejarah Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Monir Yaakob et al., 2007. *Permata Pengislahan Perundangan Islam: Biografi Profesor Emeritus Tan Sri Ahmad Mohamed Ibrahim*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Abdullah Muhammad Zin et al., 2005. *Pendidikan Islam di Malaysia – dari Pondok ke Universiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fakulti Undang-undang UM, 1988. *Makalah Undang-undang Memperingati Ahmad Ibrahim*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah @ Alwi Haji Hassan, 1980. "The Development of Islamic Education in Kelantan" dlm. *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur (Monograf Persatuan Sejarah Malaysia).
- Abdullah @ Alwi Haji Hassan, 2003. "Pengajian dan Pengamalan Undang-undang Islam di Malaysia: Antara Tradisi dan Moderniti." Syarahan Perdana Pengiktirafan Jawatan Profesor Universiti Malaya. 7 Julai.
- Ahmad Ibrahim, 1993. "Legal Education: The Present and Future Role of the Kulliyah of Laws, International Islamic University" dlm. *Legal Education In Malaysia: Quo Vadis?*. Khaw Lake Tee (ed.), 1993. Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Baharudeen Abu Bakar et al., "Al-Marhum Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim: A Model of Legal Excellence and Islamic Virtue" dlm. *IIUM Law Journal 8:1*, 2000.
- Idris Awang, "Fakulti Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya: Satu Pengenalan" dlm. *Jurnal Syariah 2:2*, 1994.
- M.A. Rauf, 1985. "Early Development of Islamic Studies, University of Malaya 1957–1964" dlm. *ISLAMIKA III*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohamed Azam Mohamed Adil, “Pengajian Undang-undang Islam di Pusat Pengajian Tinggi: Amalan di ITM” dlm. *Jurnal Tasawwur Islam* bil. 3, 1994.

Wan Salim Wan Mohd. Nor, “Pendidikan Islam di Pusat-pusat Pengajian Tinggi: Masalah dan Penyelesaiannya” dlm. *Jurnal Pendidikan Islam* 3:2, 1990.